

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 JILID 5 (14)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

22 Januari 2014

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/ Puan,

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL.1 TAHUN 2014 :

**PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK
(TASKA) DAN TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK (TADIKA) DI TEMPAT KERJA
KEPADA STAF UMP**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2014 mengenai Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TADIKA) di tempat kerja kepada staf UMP untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k: Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 1 TAHUN 2014

PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) DAN TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK (TADIKA) DI TEMPAT KERJA KEPADA STAF UMP

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dan menyediakan satu panduan khusus mengenai Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TADIKA) kepada pegawai-pegawai di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke-79 Bil.7/2013 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Kali Ke-19 Bil.2/2013 telah meluluskan Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TADIKA) kepada pegawai-pegawai di Universiti Malaysia Pahang (UMP) selaras dengan pelaksanaan kerajaan dalam Pemberian Subsidi Yuran TASKA di tempat kerja sektor awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008.

PELAKSANAAN

3. Syarat-syarat dan kadar subsidi yang akan diberi kepada staf adalah sebagaimana di bawah:

Syarat-Syarat Pemberian Subsidi	Cadangan Pelaksanaan Pemberian Subsidi TASKA/TADIKA di UMP
Pendapatan Isi Rumah	Tidak melebihi RM 7,000.00 sebulan
Kadar Kelayakkan Subsidi	RM30.00/ anak/ bulan
Jenis Pusat Asuhan	Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan;

	Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TADIKA)
Lokasi Pusat Pengasuhan yang layak diberikan Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA/TADIKA	TASKA dan TADIKA di UMP Sahaja
Umur anak yang layak diberikan Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA/TADIKA	<u>TASKA</u> Dari tarikh lahir sehingga berumur 4 tahun mengikut tahun kalendar. <u>TADIKA</u> Dari 4 tahun sehingga berumur 6 tahun mengikut tahun kalendar.

4. Kelayakan pendapatan bulanan isi rumah pegawai bagi tujuan pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA dan TADIKA di UMP tidak melebihi RM7,000.00 sebulan.
5. Pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA ini layak diberi kepada anak yang berumur di bawah empat (4) tahun pada tarikh anak didaftar masuk ke TASKA; dan dari empat (4) hingga enam (6) tahun pada tarikh anak didaftar masuk ke TADIKA.
6. Bagi tahun kalendar di mana umur anak genap empat (4) atau enam (6) tahun, subsidi yuran pengasuhan TASKA dan TADIKA boleh diteruskan sehingga 31 Disember tahun kalendar. Sebagai contoh, jika tarikh lahir anak ialah pada 24 Oktober 2013, maka pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA ini adalah sehingga 31 Disember 2017.
7. Kadar subsidi yang layak diberi adalah RM30.00 sebulan bagi seorang anak. Kadar subsidi dan yuran akan dibayar terus kepada Pengusaha TASKA/ TADIKA dan staf yang menghantar anak-anak ke Pusat Pengasuhan TASKA/TADIKA di UMP akan dibuat potongan gaji bagi bayaran yuran tersebut.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

8. Pegawai hendaklah membuat permohonan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar dengan menggunakan 'Borang Permohonan Subsidi TASKA/ TADIKA' seperti di Lampiran A. Permohonan yang dihantar hendaklah dikepilkan bersama:

8.1 salinan penyata gaji;

8.2 salinan Sijil Kelahiran/ MyKid anak;

- 8.3 salinan Sijil Kelahiran/ MyKid anak dan Sijil Pengangkatan daripada Jabatan Pendaftaran Negara jika anak angkat/ anak pelihara;
- 8.4 salinan Sijil Kelahiran/ MyKid anak dan dokumen menunjukkan hubungan dengan anak tersebut jika anak tiri; dan
- 8.5 Salinan Penyata Gaji suami/ isteri yang disahkan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Bagi suami/ isteri yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (sama ada suri rumah, bekerja sendiri atau bekerja dengan sektor swasta), dokumen atau keterangan berkaitan perlu disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung/ Pengerusi Jawatankuasa Penduduk/ Penghulu/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan ke atas.
9. Pegawai yang diluluskan subsidi yuran pengasuhan TASKA dan TADIKA hendaklah mengemukakan semula salinan penyata gaji pegawai dan suami/ isteri serta salinan Sijil Kelahiran/ MyKid anak selewat-lewatnya pada 31 Disember setiap tahun kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar bagi melayakkan pegawai diberi pertimbangan untuk terus menerima pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA dan TADIKA pada tahun berikutnya.
10. Bagi pegawai yang menghantar anak atau anak-anak ke TASKA agensi lain adalah tidak layak untuk memohon subsidi ini.
11. Bagi keadaan di mana pendapatan isi rumah pegawai melebihi RM7,000.00 sebulan berikutan perubahan gaji seperti dinaikkan pangkat atau diberi Pergerakan Gaji Tahunan, pegawai adalah bertanggungjawab memaklumkan perubahan gaji dengan mengemukakan salinan penyata gaji yang terkini kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar dalam bulan tersebut. Pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA/ TADIKA ini hendaklah dihentikan berkuat kuasa mulai tarikh perubahan gaji tersebut.
12. Pegawai dan Pengusaha adalah tertakhluk kepada pematuhan kepada Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan peraturan-peraturan TASKA/ TADIKA.

TARIKH KUATKUASA

13. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,



(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Tarikh:

Edaran Kepada:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**PERMOHONAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN
TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA)/
TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK (TADIKA)**

UNTUK KEGUNAAN
JAB.PENDAFTAR

NO. PERMOHONAN:

TARIKH DITERIMA:

ARAHAN:

1. Permohonan ini hanya bagi Staf UMP yang pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM7,000.00 sebulan.
2. Pemohon hendaklah menyertakan dokumen berikut:
 - a. salinan Penyata Gaji;
 - b. salinan Sijil Kelahiran/ MyKid anak dan dokumen lain yang berkaitan jika anak tersebut adalah anak tiri/ anak angkat/ anak pelihara; dan
 - c. salinan Penyata Gaji suami/ isteri. Bagi suami/ isteri yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (sama ada suri rumah, bekerja sendiri atau bekerja dengan sector swasta), dokumen atau keterangan berkaitan perlu disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Penduduk. Penghulu/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan ke atas.
3. Pemohon hendaklah mengemukakan semula permohonan setiap tahun (selewat-lewatnya pada 31 Disember) sekiranya masih berminat untuk mendapatkan subsidi ini bagi tahun berikutnya.

A. BUTIRAN PEMOHON

1. NAMA : _____

2. NO. KAD PENGENALAN : _____

3. NO. ID STAF : _____

4. JAWATAN & GRED : _____

5. PTJ/ FAKULTI : _____

6. ALAMAT RUMAH : _____

7. NO. TELEFON & FAKS : PEJABAT : _____

RUMAH : _____

BIMBIT : _____

FAKS : _____

8. E-MEL : _____

9. ALAMAT TASKA : _____

B. PENDAPATAN BULANAN

1. JUMLAH PENDAPATAN PEMOHON : _____
 JUMLAH PENDAPATAN SUAMI/ ISTERI : _____
 JUMLAH KESELURUHAN : _____
 2. TARIKH PERGERAKAN GAJI : _____

C. BUTIRAN ANAK ANAK

NAMA ANAK-ANAK BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH

BIL.	NAMA	UMUR (TAHUN/ BULAN)	TARIKH LAHIR
1.			
2.			
3.			
4.			

D. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa semua maklumat dan keterangan di atas adalah benar.

Tarikh: _____

 (Tandatangan Pemohon)

<u>KEGUNAAN JABATAN PENDAFTAR</u>	
* DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN	
JUMLAH YURAN TASKA	: RM _____
JUMLAH SUBSIDI YANG DILULUSKAN	: RM _____
TANDATANGAN	: _____
COP NAMA & JAWATAN	: _____
TARIKH	: _____